

TARIKH: 8 / 5 / 23
SURAT KHABAR: *utusan Malaysia*
MUKA SURAT: 14.

14

UTUSAN MALAYSIA
ISNIN • 8 MEI 2023

Dalam Negeri



ONN Hafiz Ghazi (tengah) dan Mohd. Jafni Md. Shukor (baju putih) menyertai Program Gotong-Royong Johor Bersih di Legaran Sungai Segget, Johor Bahru, Johor. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Johor guna 1,500 CCTV teknologi tinggi

Oleh LUQMAN HAZIQ ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Dalam usaha merealisasikan agenda Johor Selamat, kerajaan negeri meluluskan pembelian 1,500 sistem kamera litar tertutup (CCTV) untuk dipasang di tiga bandar raya di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Mohd. Jafni Md. Shukor berkata, pemasangan itu melibatkan 500 unit di setiap kawasan pentadbiran tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) selaras dengan agenda ‘The Greater Johor Bahru’.

Katanya, inisiatif tersebut bagi menggantikan kamera yang rosak termasuk peranti tidak berfungsi yang ditempatkan di kawasan tumpuan orang ramai.

“Di peringkat kerajaan telah meluluskan kertas kerja dalam *The Greater JB* melibatkan MBJB, MBIP, MBPG dan Majlis Perbandaran Kulai (MPKu). Tiga bandar raya telah mendapat kelulusan untuk membeli 500 unit kamera AI setiap bandar raya, manakala MPKu sebanyak 100 unit.

“CCTV ini menggunakan kamera AI, iaitu teknologi tinggi yang boleh *scan* (mengacak) wajah, nombor plat kereta dan data-data yang kita peroleh melalui apa yang kita imbas itu.

“Ia mempunyai pusat kawalan yang ada pautan dengan pusat kawalan Polis Diraja Ma-

laysia (PDRM). Pelaksanaan penguatkuasaannya bukan sahaja di peringkat PBT malah melibatkan polis,” katanya ketika ditemui selepas menghadiri Program Gotong-Royong Johor Bersih Perdana Bersama Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi di Legaran Sungai Segget, di sini, semalam.

Mohd. Jafni berkata, pemasangan CCTV di semua PBT berkenaan dilaksanakan menjelang hujung tahun ini.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, sepanjang tempoh Februari hingga April lalu, MBJB mengeluarkan 10 kompuan RM500 dan 250 notis amaran ke atas individu sebagai tindakan penguatkuasaan kerana kesalahan membuang sampah di kawasan yang tidak dibenarkan.

100 syarikat di Melaka enggan carum Perkeso

ALOR GAJAH: Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Melaka akan mengadakan operasi besar-besaran mengesan majikan yang belum mendaftarkan pekerjanya bermula Julai ini.

Pengerah Perkeso negeri, Abd. Razak Omar berkata, seramai 80 anggota dikerahkan mengesan sekitar 100 syarikat yang masih berdegil tidak mahu mencarum dengan agensi berkenaan.

Katanya, hasil pemerhatian yang dijalankan menganggarkan sebanyak 18 peratus majikan di negeri ini belum berbuat demikian.

“Begitupun, sepanjang tempoh Mei hingga Jun ini, Perkeso melaksanakan bulan pemutihan bagi memberi lebih peluang dan ruang kepada majikan untuk mendaftarkan pekerja mereka.

“Selepas tamat tempoh bulan pemutihan diadakan, baru kita mengadakan operasi besar-besaran siang dan malam bagi mengejar majikan yang degil dengan tidak mendaftarkan pekerja mereka.

“Kegagalan majikan mencarum untuk pekerjaannya adalah satu kesalahan yang boleh didakwa di bawah Seksyen 94 dan sabit kesalahan boleh didenda RM10,000

atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali,” katanya ketika ditemui di Kampung Solok Duku, Masjid Tanah di sini.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Faedah Pencaharian Penakat berjumlah RM916.67 kepada Nur Aleiza Othman, 31, isteri kepada Allahyarham Sazali Mohamad, 36, yang maut dalam kemalangan motosikal tiga hari sebelum umat Islam menyambut

Hari Raya Aidilfitri lalu.

Menurut Abd. Razak, setiada sebanyak 42,000 majikan libatkan seramai 320,000 pelajar termasuk pekerja warga a dari pada pelbagai sektor terdaftar sebagai pencarun

Menurutnya, masih ramai majikan tidak mencarum dengan memberi pelbagai alasan seperti pekerja sambilan yang masih lum diserap sebagai pekerja te

JBPM Perak bantu padam kebakaran di Beris Lalang

KOTA BHARU: Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Kelantan mendapat bantuan daripada JBPM Perak bagi meneruskan kerja-kerja pemadam kebakaran di tapak pelupusan sampah Beris Lalang, Bachok di kawasan seluas lebih empat hektar dengan menggunakan sumber air *hydrasub* bagi mempercepat kerja pemadam api.

Pengarahnya, Zainal Madsin berkata, ia ekoran pam *hydrasub* milik JBPM Kelantan mengalami kerosakan.

Katanya, bagi kerja-kerja pemadamannya itu pihaknya menanggalkan ia dilanjutkan dalam masa tiga minggu lagi bergantung kepada keadaan cuaca dan persekitaran.

“Apapun kita masih meneruskan kerja-kerja pemad-

aman setiap hari dan menaikkan kekuatan maksi dengan menempatkan 50 gonta secara giliran dalam 24 jam.

“Kita harap kerja-kerja madaman dapat dilakukan dengan lancar dan jangka pemadaman dapat selesa dengan lebih cepat,” katanya ka dihubungi *Utusan Mala*.

Zainal turut menasihati orang awam supaya tidak melakukan pembakaran s terbuka di kawasan bercahaya bagi mengelak kebakaran lan berlaku.

Kebakaran yang berlaku pada 25 April lalu itu menyebabkan berlakunya pencemaran udara yang turut menghalang penglihatan kendaraan dan trafik udara terutama pada sebelah malam.



PAM *hydrasub* yang digunakan untuk memadam kebakaran di tapak pelupusan sampah di Beris Lalang Bachok, Kelantan. - IHSAN JB KELANTAN